

Penggunaan Pendekatan Talk Moves Di Bilik Darjah

Arfah Buang

arfah_buang@sst.edu.sg

Azizah Ahmad

azizah_ahmad@sst.edu.sg

Sekolah Sains dan Teknologi Singapura

Abstrak

Komunikasi dan interaksi merupakan faktor penting yang menentukan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kajian pemerhatian turut serta ini meninjau penerapan tindak tutur atau *talk moves* di bilik darjah untuk membina dan mengukuhkan komunikasi yang berkesan dalam kalangan pelajar. Tindak tutur dapat membimbing pelajar melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan berkaitan dengan kandungan subjek. Tumpuan dikhususkan terhadap tindak tutur dalam rangkaian strategi interaksi Mulakan-Respons-Maklum (IRF) dan Ulang-Jelaskan-Faham (RCU). Kajian ini menunjukkan pelibatan pelajar meningkat dengan penggunaan tindak tutur dalam pengajaran dan pembelajaran. Mutu respons pelajar juga didapati bertambah baik. Melalui aktiviti penyzoalan sebagai usaha perancangan terancang berasaskan strategi tindak tutur, guru berjaya menstrukturkan wacana supaya penerangan dan penghujahan dalam pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih jelas dan eksplisit.

Kata Kunci: pengajaran dialogik, tindak tutur, kecekapan lisan, pembelajaran berpusatkan pelajar

PENGENALAN

Komunikasi dan interaksi merupakan faktor penting yang menentukan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah. Komunikasi merujuk kepada pertukaran dan pengaliran maklumat daripada seseorang kepada orang yang lain. Brown (2000) menjelaskan bahawa interaksi sebagai pertukaran pendapat, idea atau perasaan antara dua atau lebih orang yang menghasilkan kesan timbal balik sesama sendiri. Interaksi dalam bilik darjah dapat dilihat sebagai aktiviti yang memberi peluang kepada guru dan pelajar untuk berkomunikasi antara satu sama lain dalam proses PdP yang berlaku dari awal hingga akhir pelajaran. Ia merupakan penyumbang utama dalam usaha meningkatkan sumber linguistik pelajar dan melengkapkan mereka dengan pelbagai kemahiran yang sesuai untuk digunakan dalam berkomunikasi (Thapa dan Lin, 2013, dalam Hanif dan Kaseh, 2016). Interaksi turut membantu membina keyakinan diri pelajar untuk bertutur. Sementara, ia memberi perhatian terhadap mutu komunikasi dan interaksi di dalam bilik darjah adalah penting untuk mencapai matlamat pendidikan yang antara lainnya bertujuan untuk memupuk kecekapan abad ke-21 dalam diri pelajar.

Mutu interaksi dalam bilik darjah secara umumnya ditentukan oleh guru, lebih-lebih lagi melalui komunikasi lisan atau percakapan atau secara umum dikenali sebagai *classroom talk*. Semasa membimbing pelajar dan mengemudi proses pembelajaran, ujaran guru biasanya tertumpu kepada tiga perkara (Nur Wasi'ah, 2016). Pertama, memperoleh pengetahuan yang relevan daripada pelajar bagi tujuan memantau tahap pemahaman pelajar. Kedua, memberi respons, termasuk maklum balas, terhadap perkara-perkara yang diperkatakan oleh pelajar. Ketiga, memberi pencerahan atau penerangan yang lebih jelas tentang kandungan pembelajaran yang diketengahkan. Kebanyakan interaksi di dalam bilik darjah disifatkan oleh Cazden dan Mehan (1989) bercorak *Initiate-Response-Feedback* (IRF) atau Mulakan-Respons-Maklum Balas. IRF merupakan satu aktiviti mengajar yang diterapkan dalam pelaksanaan pelajaran dalam Amalan Pengajaran Singapura atau *Singapore Teaching Practice* (STP). Lazimnya, guru memperkenalkan topik terlebih dahulu (I); kemudian para pelajar memberikan respons (R); dan selanjutnya guru menilai respons pelajar atau memberikan maklum balas yang berkaitan (F). Perkara yang menggamit perhatian pengkaji ialah dua pertiga giliran atau masa percakapan dalam rangkaian interaksi ini umumnya digunakan oleh guru. Hal ini menimbulkan keprihatinan sekiranya guru mendominasi percakapan dalam bilik darjah atau kurang menitikberatkan pelibatan aktif pelajar.

Sesuai dengan falsafah pendidikan konstruktivisme, pelajar perlu giat bercakap semasa proses PdP sedang nberlangsung untuk menyampaikan



idea, pengetahuan dan perasaan, mengutarakan soalan, memberikan pendapat, membentangkan hujah serta melanjutkan perbincangan. Hal ini bermaksud guru dan pelajar perlu terlibat sama dalam perbualan yang autentik dan bermakna sewaktu proses pembelajaran. Proses ini dapat menggilap kemahiran berbahasa pelajar sekaligus mengasah pemikiran kritis dan kreatif mereka. Natiujahnya, guru bukan sahaja perlu memberi laluan kepada pelajar untuk menggunakan lebih banyak waktu untuk bercakap, malah memikirkan cara untuk mewujudkan budaya bilik darjah yang tertumpu pada amalan pertuturan dialogik. Memandangkan guru yang memulakan perbualan di dalam bilik darjah, menentukan siapa yang diberi peluang untuk bercakap serta arah tuju dan perkembangan perbualan tersebut, maka adalah menjadi tanggungjawab guru untuk memastikan wacana di bilik darjah dapat menambah nilai pada pembelajaran para pelajar dengan cara membantu mereka memahami dan membina pengetahuan.

PERNYATAAN MASALAH

Menurut Lim (2018), corak interaksi yang kerap berlaku di kebanyakan bilik darjah di Singapura berurutan IRF. Perkara ini memang dapat dijangkakan memandangkan ia merupakan satu cara mengajar yang telah agak lama diamalkan. Namun, kaedah sedemikian dikhuatiri boleh mengakibatkan kebergantungan pelajar terhadap guru untuk mendapat ilmu dan memberikan jawapan contoh atau membuat pelajar lebih peduli tentang jawapan yang betul, atau yang dikehendaki guru, daripada terlibat dalam sesuatu perbincangan secara aktif. Hal ini agak bercanggah dengan matlamat pendidikan abad ke-21 yang menekankan kemahiran dan kebebasan berfikir secara kritis dan kreatif, lebih-lebih lagi sebagai persiapan awal pelajar untuk menyediakan diri sebelum memasuki alam pekerjaan. Nuthall (2005) turut memerhatikan bahawa di bilik darjah yang mana IRF lebih dominan, terdapat kecenderungan bagi pelajar yang bersuara lantang untuk mendapat perhatian atau guru hanya mendapatkan respons daripada sebilangan kecil pelajar yang sering mengangkat tangan untuk menjawab pertanyaan guru. Akibatnya, sesetengah pelajar yang lain hanya sekadar menerima idea atau maklumat secara pasif.

Sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan; *Teach Less, Learn More* (TLLM) atau Kurangkan Mengajar, Lebihkan Belajar, guru digalakkan menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang dapat melibatkan pelajar secara aktif (MOE, 2011). Edwards-Groves, Anstey dan Bull (2014) menyatakan bahawa satu cara untuk melibatkan semua pelajar dalam perbualan di bilik darjah adalah dengan menyesuaikan bahagian ketiga dalam urutan IRF. Guru perlu membuat tindak tutur atau *talk moves* untuk meraih respons lanjutan pada tahap fokus intelektual yang lebih tinggi daripada para



pelajar. Pembelajaran menjadi tertumpu pada wacana bilik darjah yang lebih intensif melalui amalan pertuturan dialogik, yang mengalakkan pertukaran idea, penyoalan, penilaian dan penghuraian masalah untuk membentuk dan memperluas pengetahuan pelajar. Dengan kata lain, percakapan bilik darjah yang terancang dan berstruktur dapat membina minda pelajar dan membantu guru dalam mencapai objektif pengajaran dengan berkesan.

Namun, kelemahan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar menjadi suatu hambatan. Tidak semua pelajar mampu menyampaikan buah fikiran mereka secara koheren dalam bahasa Melayu kerana kelemahan penguasaan bahasa. Sekiranya guru menggunakan tindak tutur sebagai rangsangan untuk melanjutkan perbincangan, pelibatan pelajar yang sedemikian dapat dipertingkat. Selain itu, amalan memberi masa menunggu di bilik darjah juga mempengaruhi penyertaan pelajar dalam sesuatu perbincangan. Jika tidak diberikan cukup masa, pelajar yang lemah penguasaan bahasanya akan kurang menyumbang dalam perbincangan tersebut. Ini kerana pelajar itu memerlukan masa untuk berfikir dan mengungkapkan pandangannya. Oleh yang demikian, masa menunggu perlu diterapkan dan boleh dianggap sebagai salah satu faktor penting tindak tutur dalam percakapan bilik darjah.

Bertitik tolak daripada premis tersebut, pengkaji ingin meninjau keberkesanan penggunaan tindak tutur atau *talk moves* dalam membimbing pelajar untuk melibatkan diri dalam perbincangan berkaitan kandungan subjek di bilik darjah. Kajian ini juga diharap dapat memaklumkan pengkaji akan cara untuk menjadikan PdP lebih berkesan dengan berpandukan Amalan Pengajaran Singapura atau *Singapore Teaching Practice* (STP).

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini memberi tumpuan pada penggunaan tindak tutur dalam PdP Bahasa Melayu di bilik darjah. Objektif kajian ini adalah untuk:

1. mengkaji kesan penggunaan tindak tutur terhadap pelibatan pelajar di bilik darjah; dan
2. mengkaji kesan penggunaan tindak tutur terhadap mutu respons pelajar dalam perbincangan.

Dua soalan yang ingin dijelaskan dalam kajian ini adalah:

1. Adakah pelibatan pelajar meningkat dengan penggunaan tindak tutur atau *Talk Moves* dalam PdP?



2. Adakah mutu respons pelajar dalam perbincangan bertambah baik dengan penggunaan tindak tutur dalam PdP?

KAJIAN LEPAS

Michaels dan O'Connor (2013) berpendapat bahawa seseorang guru yang berjaya menghasilkan perbincangan yang produktif dalam bilik darjah biasanya menggunakan beberapa set tindak tutur, dalam bentuk penysoalan atau pernyataan tertentu, untuk mendapatkan respons pelajar atau mengulas isu yang diperkatakan. Mereka telah mengemukakan empat tujuan asas penggunaan tindak tutur dalam percakapan guru; iaitu, pertama, membantu pelajar untuk menjelaskan dan berkongsi pandangan sendiri. Kedua, membantu pelajar untuk memberikan tumpuan dan mendengar ujaran orang lain dengan teliti. Ketiga, membantu pelajar untuk mempertingkatkan penaaakulan sendiri dengan berasaskan bukti. Akhir sekali, membantu pelajar untuk melibatkan diri dalam pertukaran pendapat dengan orang lain. Tindak tutur yang telah dikenal pasti oleh mereka digolongkan berdasarkan tujuan-tujuan asas ini. Manakala Zwiars dan Crawford (2011) pula menetapkan lima teras kecekapan lisan bagi perbincangan yang produktif, iaitu, (1) menghuraikan dan menjelaskan; (2) menyokong idea dengan bukti dan contoh; (3) menyokong atau mencabar idea orang lain; (4) memparafrasa dan (5) mensintesis idea dan gagasan daripada perbincangan.

Dalam kajian selanjutnya, Edwards-Groves, Anstey dan Bull (2014) memberi tumpuan terhadap tindak tutur yang mempertajam pemikiran pelajar. Mereka menarik perhatian terhadap tindak tutur yang dapat mendorong pelajar berfikir dengan lebih mendalam, melakukan pendengaran aktif, memanfaatkan ruang dan masa untuk membuat kupasan, memberikan respons yang relevan dengan fokus pembelajaran, membuat refleksi serta merumuskan pembelajaran. Mereka membuat kesimpulan bahawa tindak tutur yang dilakukan oleh seseorang guru itu penting untuk menggalakkan pelajar mengambil bahagian dalam perbincangan yang bernas.

Peranan tindak tutur turut diketengahkan dalam Amalan Pengajaran Singapura (STP) sebagai aktiviti mengajar yang boleh diamalkan semasa pelaksanaan pelajaran. Langkah Ulang-Jelaskan-Faham atau *Repeat-Clarify-Understand* (RCU), adalah penyesuaian tindak tutur yang disarankan oleh Chapin, O'Connor dan Anderson (2003). RCU merupakan strategi bagi guru untuk melibatkan pelajar dalam interaksi lisan melalui soal jawab dan perbincangan yang produktif. STP juga turut menggalakkan guru menggunakan soalan bagi memperdalam pembelajaran dengan menggunakan rangkaian Mulakan-Respons-Maklum Balas, atau *Initiate-Response-Feedback* (IRF),



yang diperkenalkan oleh Sinclair dan Coulthard (1975). Rangkaian proses IRF menggalakkan para pelajar untuk menerangkan dan menghuraikan fikiran dan idea mereka. Maklum balas guru dijadikan perancah untuk mengembangkan pemikiran pelajar dan membantu mereka membina pengetahuan konseptual.

Penyoalan guru adalah teras dalam kedua-dua langkah RCU dan IRF. Seorang guru yang mahir dapat menggunakan soalan-soalan yang membimbing para pelajar memberikan idea yang jelas, mengembangkan potensi berfikir dan menggerakkan daya imaginasi pelajar (Zamri dan Nor Razah, 2011). Penyoalan mesti dirancang dengan baik untuk menepati penggunaan soalan dalam proses PdP dengan berkesan. Kepentingan masa menunggu semasa penyoalan turut ditekankan dalam perbincangan kajian mereka. Dalam interaksi di bilik darjah, guru mengharapkan pelajar memberikan respons yang berkualiti. Namun, kadang kala pelajar memerlukan perancah atau sokongan untuk melakukan yang sedemikian. Archer dan Hughes (2011) menyarankan agar guru menyediakan pelajar permulaan ayat untuk menjawab, atau *sentence stems/sentence starters*, yang membolehkan para pelajar memulakan respons mereka dengan lebih cepat, menggunakan ayat penuh untuk menyatakan jawapan, dan mendorong mereka untuk kekal dalam topik. Mereka menjelaskan bahawa strategi ini membantu pelajar dalam proses pengaksesan pengetahuan (*cognitive retrieval*) dan perumusan jawapan.

Jelas di sini bahawa, untuk membentuk pelajar menjadi penyumbang aktif dalam proses pembelajaran, guru perlu menjalankan tindak tutur yang strategik, yang merangkumi urutan pertuturan serta teknik penyoalan yang jelas.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang menggunakan kaedah pemerhatian turut serta (*participant-observation*) dalam proses pengumpulan data. Penggunaan kaedah pemerhatian peserta memungkinkan intersubjektiviti, iaitu pembentukan pengetahuan secara bersama-sama antara pengkaji dan subjek kajiannya (Kamarul Azmi, 2012). Selain itu, pengkaji cukup dekat dengan subjek yang dikaji, sehingga memungkinkan pemahaman yang mendalam tentang hal yang berlangsung di lapangan kajian. Pengkaji juga berupaya mengungkapkan hal yang secara sebenar terjadi atau perkara yang diperkatakan oleh subjek yang dikaji.

Penerapan Amalan Pengajaran Singapura dalam kajian ini dirumuskan dalam jadual yang berikut.



Jadual 1. Fokus berkaitan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	<p>AP15: Menggalakkan pelibatan pelajar</p> <p>AP20: Menggunakan soalan untuk memperdalam pembelajaran</p>	<p>AM1: Langkah RCU Ulang-Jelaskan-Faham atau <i>Repeat-Clarify-Understand</i> (RCU) memerlukan guru menggalakkan pelajar mendengar pandangan rakan dengan baik dan seterusnya memberikan respons bagi menjelaskan idea atau menambah maklumat. Guru memberikan 'masa menunggu' untuk menggalakkan pelajar terlibat dalam perbincangan.</p> <p>AM1: Rangkaian IRF <i>Initiate-Response-Feedback</i> (IRF) atau Mulakan-Respons-Maklum Balas dilakukan dengan guru mengemukakan soalan bagi mendapatkan respons pelajar. Guru tidak perlu membetulkan jawapan pelajar tetapi menggalakkan pelajar lain untuk meluaskan respons. Guru kemudian boleh merumuskan pandangan pelajar.</p>
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau pemahaman dan memberi maklum balas	AM1: Maklum balas secara lisan sahaja
Penerangan dan Justifikasi	<p>Menurut teori Konstruktivisme, pembelajaran berkembang apabila pelajar membina pengetahuan secara aktif, secara individu atau kolaboratif. Pembangunan kemahiran berfikir pelajar merupakan salah satu teras pendekatan pengajaran ini.</p> <p>Percakapan atau perbualan bilik darjah yang terancang dan berstruktur dapat membina minda pelajar dan membantu guru dalam mencapai objektif pengajaran dengan berkesan.</p>	

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan sekumpulan 15 orang pelajar menengah yang dipilih berdasarkan persampelan mudah. Para pelajar menjalani aktiviti pembelajaran dan pengajaran secara sukarela di bilik darjah.



Instrumen Kajian

Pengumpulan data bagi kajian ini adalah berdasarkan himpunan pemerhatian yang berkaitan dengan kajian. Dua instrumen kajian ini ialah, (1) catatan kiraan respons pelajar untuk memantau pelibatan mereka dalam aktiviti pembelajaran, dan (2) nota lapangan kajian tentang interaksi lisan pelajar, dalam struktur pertuturan RCU atau IRF, untuk menerangkan mutu respons pelajar.

Prosedur Kajian

Pemerhatian dilakukan semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan tindak tutur dalam perbincangan lisan dijalankan di dalam bilik darjah. Pengkaji mengambil nota lapangan secara strategik dalam bentuk nota-nota ringkas tentang pemerhatian tingkah laku, perbualan dan interaksi yang berlaku dalam perbincangan tersebut. Nota-nota ringkas itu dikembangkan selepas pelajaran berakhir untuk membentuk data naratif yang lebih lengkap.

Topik perbincangan berkisar pada pembaziran makanan, yang mana pelajar dikehendaki membincangkan masalah pembaziran makanan dari segi faktor, kesan dan cara-cara mengatasinya. Untuk memudahkan rumusan perbincangan, akronim **KFC** digunakan untuk menandakan **F**aktor, **K**esan dan **C**ara-cara (penyelesaian). Respons pelajar terhadap guru dikira dan dipantau mengikut keperluan kajian. Pelaksanaan pelajaran dilakarkan mengikut kerangka pengajaran secara eksplisit yang mengandungi enam langkah, iaitu pengenalan, penerangan, modeling, latihan terbimbing, latihan sendiri dan penutup. Aspek pengajaran tertentu yang terdapat dalam Proses Pengajaran dalam Amalan Pengajaran Singapura, seperti yang tertera pada Jadual 1, menjadi sandaran bagi pemilihan aktiviti mengajar.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Membuka ruang untuk mendapatkan pandangan dan sumbangan idea daripada pelajar dapat mengelakkan pembelajaran yang berpusatkan guru dan membantu pelajar melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran (Hanif dan Kaseh, 2016). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar turut serta dalam perbincangan secara aktif dengan penggunaan tindak tutur dalam pengajaran yang diperhatikan.



Jadual 2. Pelibatan Pelajar dalam Perbincangan

Langkah Pengajaran	Semua Pelajar Turut Serta	Kebanyakan Pelajar Turut Serta	Sebilangan Kecil Pelajar Turut Serta	Tiada Pelajar Turut Serta
1. Pengenalan	√			
2. Penerangan		√		
3. Modeling			√	
4. Latihan Terbimbing	√			
5. Latihan Kendiri	√			
6. Penutup			√	

Tindak tutur yang dirancang dengan teliti meningkatkan pelibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Biarpun sekadar mengulangi pernyataan rakan atau menyatakan semula pendapat, tindak tutur tersebut memastikan pelajar memberi tumpuan penuh terhadap perbincangan dan perkara-perkara yang dikemukakan. Selain itu, ia menyokong pelajar mencetus idea-idea baharu atau memperkukuh pemahaman pelajar.

Bagi langkah pengajaran 1, 4 dan 5, guru memperuntukkan lebih banyak giliran atau masa percakapan dalam rangkaian interaksi IRF bagi pelajar. Ini membolehkan semua pelajar menyumbangkan pendapat. Di samping itu, tindak tutur yang membolehkan pelajar berkongsi dengan pasangan dan memberi pandangan tentang pendapat orang lain merupakan tindak tutur yang paling berkesan untuk mendapatkan respons atau pelibatan pelajar. Penggunaan tindak tutur yang sedemikian bukan sahaja menjadikan pemikiran pelajar jelas, malah menjadikan respons pelajar suatu bahan atau sumber pembelajaran kerana kedua-dua pihak mendengar dan mempertimbangkan pendapat masing-masing. Seperkara lagi, wacana dalam rangkaian IRF yang lazimnya tertumpu pada guru telah diubah dengan cara meminta pelajar untuk mengulas respons rakan. Langkah ini masih tetap memenuhi keperluan evaluatif guru kerana tahap pemahaman pelajar masih dapat dinilai melalui ujarannya terhadap respons rakan.

Pelibatan pelajar yang agak kurang bagi langkah pengajaran 3 dan 6 memang dijangkakan kerana pelajar hanya perlu mendengar dan memahami



arahan atau penerangan guru. Meskipun demikian, dengan memuatkan strategi RCU, pertuturan tersebut bukanlah sehalal kerana guru masih berusaha untuk mendapatkan respons pelajar dalam soal jawab yang menjelaskan pemikiran pelajar.

Dapatan kajian ini juga memberikan gambaran bahawa mutu respons pelajar dalam perbincangan bertambah baik dengan penggunaan tindak tutur dalam pengajaran. Berdasarkan nota lapangan, beberapa soalan yang meminta pelajar memberi keterangan lanjut dan meneliti alasan yang diberikan telah memperkukuh jawapan pelajar dengan menyertakan maklumat tambahan. Perbincangan juga lebih terbuka luas. Sebagai contoh, perbincangan tentang masalah pembuangan sisa makan bukan sahaja dilihat sebagai isu alam sekitar tetapi sebagai pembaziran tenaga kerana banyak tenaga dan sumber telah dibelanjakan untuk menyediakan pembekalan makanan dan pengangkutan. Seperti yang dikatakan oleh Lim (2018), pertukaran produktif di bilik darjah boleh memperkukuh keupayaan metakognitif pelajar.

Lebih ramai pelajar menggunakan ayat-ayat yang lebih tersusun dalam pertuturan mereka. Namun, pemerhatian kajian ini tidak dapat menentukan sama ada masa menunggu yang diterapkan cukup atau sebaliknya, atau sama ada lembaran permulaan ayat yang guru sediakan atau topik yang dipilih adalah mudah atau sebaliknya bagi pelajar merupakan faktor utama yang menjana kesan positif tersebut. Meskipun demikian, hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan permulaan ayat memanfaatkan pelajar yang lemah dalam penguasaan bahasa. Permulaan ayat yang sering mereka gunakan dalam perbincangan adalah seperti '*Pada pendapat saya, ...*', '*Saya rasa bahawa...*', '*Saya setuju/ tidak setuju kerana...*', '*Saya rasa perkara ini penting kerana...*' dan '*Kesimpulannya...*'. Permulaan ayat yang disediakan turut meningkatkan masa berfikir pelajar kerana pelajar dapat menyambung ayat atau menambah isi pertuturan dengan berpandukan tindak tutur yang sesuai, seperti '*menyumbangkan idea*', '*menyokong idea*', '*mencabar idea*' dan sebagainya.

Berikut merupakan beberapa contoh respons dan tindak tutur pelajar berdasarkan klip video mereka tonton semasa PdP di bilik darjah.

Contoh Pelajar 1

Pada pendapat saya, isu yang ingin diketengahkan ialah masalah pembaziran makanan. **Masalah ini harus diselesaikan** kerana ramai orang yang telah bekerja keras untuk menghasilkan makanan yang kita beli dari pasar raya dan juga yang dibuat oleh sesiapa sahaja di restoran atau di rumah. **Saya ingin**



menambah bahawa ramai orang yang tidak tahu bahawa mereka sedang membazirkan makanan..

Contoh Pelajar 2

Pada pandangan saya, isu yang dibentangkan adalah isu pembaziran makanan. Di dalam video tentang *Food Bank*, sikap orang Singapura yang suka membazir makanan membuat *Food Bank* itu diperlukan. **Buktinya adalah** yang kedua-dua video yang menyerlahkan sikap orang-orang yang suka membazir, dan menyampaikan mesej yang kita tidak sepatutnya membazirkan makanan. **Saya ingin menambah** bahawa isu pembaziran makan amat ketara dalam masyarakat Singapura kerana kebanyakan orang yang ke pasar mahu membeli makanan yang tidak akan basi dengan cepat, dan industri makanan tidak mahu menerima makanan yang tidak 'cantik'. **Saya rasa kesedaran tentang isu ini** penting kerana isu ini memang isu besar yang Singapura ada.

Contoh Pelajar 3

Video pertama mengongsi tentang proses menghasilkan makanan. **Jika kita membazirkan** makanan itu, usaha mereka bertungkus-lumus untuk mendapatkan makan itu seperti hujan jatuh ke pasir. **Dengan kata lain**, kita harus lebih bersyukur dengan apa yang ada di pinggan kita setiap hari dan jangan membazir. Dalam video kedua, sebuah syarikat bernama Food Bank menggunakan inisiatif mereka untuk kurangkan masalah pembaziran makan di Singapura. **Saya rasa** membolehkan orang awam menderma makanan mereka yang tidak akan dibazirkan merupakan satu idea yang bijak. **Kesimpulannya**, makanan sepatutnya dihargai dan kita harus memainkan peranan kita sendiri supaya masalah ini kurang ketara di Singapura.

Akhir sekali, pemerhatian terhadap tingkah laku pelajar juga menggambarkan bahawa pada keseluruhannya, pelajar bermotivasi untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran, seperti yang dicatatkan dalam jadual yang berikut.



Jadual 3. Tahap Pelibatan Pelajar Berdasarkan Tingkah Laku

Pemerhatian	Tahap Pelibatan bagi Setiap Langkah Pengajaran				
	Sangat Tinggi	Tinggi	Sederhana	Rendah	Sangat Rendah
Postur badan (menunjukkan pelajar memberi perhatian kepada guru)	Langkah 1	Langkah 2 Langkah 4 Langkah 5	Langkah 3 Langkah 6		
Tumpuan (tertumpu kepada aktiviti pembelajaran tanpa banyak gangguan)	Langkah 1	Langkah 2 Langkah 3 Langkah 4 Langkah 5	Langkah 6		
Pertuturan (berbincang secara aktif dan mengemukakan soalan)	Langkah 2 Langkah 4	Langkah 1 Langkah 5	Langkah 3	Langkah 6	
Keyakinan (memulakan dan menyelesaikan tugas secara sendiri)		Langkah 1 Langkah 2 Langkah 4	Langkah 3 Langkah 5 Langkah 6		
Minat (kelihatan seronok dan ghairah membuat aktiviti)	Langkah 1 Langkah 2 Langkah 4	Langkah 3 Langkah 5 Langkah 6			

KESIMPULAN

Pelibatan aktif pelajar adalah penting dalam proses pembelajaran. Pengajaran yang menerapkan tindak tutur yang strategik dapat meningkatkan tahap pelibatan pelajar dan membangunkan wacana yang produktif di bilik darjah. Dengan menyoal dan memberi perancahan secara terancang, guru menstrukturkan wacana supaya penerangan dan penghujahan menjadi lebih eksplisit dan bermakna. Ini sejajar dengan tuntutan pendidikan yang menekankan kemahiran berfikir dan pengajaran berpusatkan pelajar. Kajian ini juga turut mencadangkan bahawa para pelajar yang agak lemah penguasaan bahasa juga mampu mengutarakan pandangan dan memperluas skop



perbincangan, jika mereka diberikan peluang bersuara dalam sekitaran yang memberangsangkan dengan bantuan dan sokongan yang mencukupi.

Keterbatasan kajian ini adalah pengkaji tidak mungkin menyaksikan keseluruhan aktiviti di bilik darjah. Pemerhatian bilik darjah boleh diperbaiki sekiranya terdapat lebih daripada seorang pemerhati pada satu-satu masa supaya catatan pemantauan dapat dibandingkan. Selain itu, temu bual atau rakaman video juga dapat dijadikan sumber bagi triangulasi data. Saiz subjek kajian juga kecil. Kebolehpercayaan hasil kajian dapat dipertingkatkan jika kajian ini diulang semula. Keterbatasan lain yang perlu diambil kira ialah kesan memperkenalkan sesuatu yang baharu atau 'novelty effect'. Ini boleh diketepikan sekiranya kajian ini dilakukan bagi jangka waktu yang lebih lama.

Cadangan bagi kajian lain pula boleh berupa kajian tentang corak atau pola interaksi di bilik darjah yang menerapkan tindak tutur dalam pengajaran. Kajian tersebut boleh menggambarkan tindak tutur yang digunakan berdasarkan interaksi tertentu seperti interaksi seluruh kelas, kumpulan kecil, berpasangan dan sebagainya.

RUJUKAN

- Archer, A.L. & Hughes, C.A. (2011). *Explicit instruction: Effective and Efficient Teaching*. The Guildford Press: New York.
- Brown, H. D. (2000). *Teaching by principles* (edisi kedua). Longman: London.
- Cazden, C., & Mehan, H. (1989). Principles from sociology and anthropology: Context, code, classroom and culture, dalam Reynolds, M. (ed.), *Knowledge base for beginning teacher*, ms 47-57. Pergamon: Oxford & New York.
- Chapin, S., O'Connor, C., & Anderson, N. (2003). *Classroom Discussions: Using Math Talk to Help Students Learn*. Math Solutions Publications: Sausalito, CA.
- Edwards-Groves, C., Anstey, M., & Bull, G. (2014). *Classroom talk: Understanding dialogue, pedagogy and practice*. PETAA: Sydney.
- Hanif, H. I., & Kaseh, A. B. (2016). *Analisis interaksi guru-pelajar dalam kelas pembelajaran bahasa Arab dan penggunaannya di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)*. Dimuat turun daripada: <http://ejournal.ukm.my/ijwas/article/view/19184>



- Kamarul Azmi, J. (2012). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif*. Dimuat turun daripada: http://eprints.utm.my/id/eprint/41091/1/KamarulAzmi_Jasmi2012_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf
- Lim, Y. X. D. (2018). A dialogic teaching approach: Talk moves to deepen students' understanding in the Geography classroom dalam *HSSE Online*, 7(1), ms 1-13.
- Michaels, S., & O'Conner, C. (2013) *Conceptualizing talk moves as tools: Professional development approaches for academically productive discussion*. Dimuat turun daripada: <http://educacion.udd.cl/files/2018/04/Conceptualizing-Talk-Moves-as-Tools.pdf>
- Ministry of Education, Singapore (MOE). (2011). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu*. Dimuat turun daripada: <https://www.moe.gov.sg/docs/defaultsource/document/education/syllabuses/mother-tongue-languages/files/malay-secondary-2011.pdf>
- Nur Wasi'ah. (2016). A study of teacher talk in classroom interaction at an Islamic senior high school dalam *OKARA Journal of Languages and Literature*, 1(5), ms 29-43.
- Nuthall, G. (2005). The Cultural Myths and Realities of Classroom Teaching and Learning: A Personal Journey dalam *Teachers College Record*, 107(5), ms 895-934.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Sinclair, J., & Coulthard, M. (1975). *Towards an Analysis of Discourse*. Oxford: Oxford University Press.
- Siti Aisyah, G. (2017). The importance of opening moves in classroom interaction dalam *Advances in Language and Literary Studies*, 8(6), ms 7-11.
- Zamri, M. & Nor Razah, L. (2011). Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru bahasa Melayu: Kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), ms 51-65.
- Zwiers, J., & Crawford, M. (2011). *Academic conversations: Classroom talk that fosters critical thinking and content understanding*. Stenhouse Publishers: Portland, ME.

